

# UMS komited angkat sejarah, legasi, budaya rakyat Nusantara

**Locksley Ng DE 16.8.2018 3**

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited untuk mengangkat sejarah, legasi dan budaya rakyat Nusantara yang mudah dilupakan atau tidak disedari oleh generasi kini.

Timbalan Naib Canselor UMS (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Dr Ismail Ali berkata mereka akan menyalurkan dana untuk melaksanakan beberapa program dan persidangan pada masa yang sama mempromosikan acara tersebut.

"Program yang dilaksanakan oleh Kemanusian, Seni dan Sejarah UMS direka untuk menggiatkan semula warisan pudar dan untuk menyebarkan kesedaran bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Budaya Rakyat dan Legasi, Sejarah Nusantara di UMS, di sini, Rabu.

Ismail menjelaskan bahawa persidangan itu bertujuan mengumpulkan penyelidik berkaitan dengan sejarah, legasi, dan budaya rakyat Nusantara untuk berkongsi pengalaman dan penemuan mereka.

"Satu pertemuan antara penyelidik di dalam bidang itu untuk membentangkan menemuan mereka pada PASWFN 2018 sangat penting untuk sumbangan akademik," tambahnya.

Persidangan selama dua hari bermula Rabu itu akan membentangkan 90 kertas kerja melibatkan peserta daripada institut pengajian tinggi dari Malaysia, Indonesia, dan Brunei Darussalam.

Beliau menambah bahawa akan ada lebih banyak persidangan seterusnya akan melibatkan beberapa negara asing untuk agenda pada tahun hadapan.